Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana Daftar Hakmilik Keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. P.T.—94718. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.D. 11032/89. Luas—89.184 meter persegi.

Bertarikh 24 Ogos 2011  
[PTG.Pk. 3/6-2043(A)]

HASLAN BIN MAT YAKIN  
*b.p. Pendaftar Hakmilik Negeri  
Perak*

**No. 1771.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Saravana a/l Rajee yang beralamat di No. 28, Rumah Murah, 31200 Chemor, Perak Darul Ridzuan penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Aras Bawah, Pejabat Tanah Kinta, Batu Gajah pada hari Khamis, 10 November 2011 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Belanja. No. P.T.—3416A. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1203. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 839/2010.

Bertarikh 1 Ogos 2011  
[KD 17/5-484]

SAIDAH BINTI ABU SAHIT  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kinta*

**No. 1772.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Rajenthiran a/l Valautham yang beralamat di No. 557, Kopisan Baru, 31600 Gopeng, Perak penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar pada hari Rabu, 12 Oktober 2011 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teja. No. Lot—62668. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 677 (Dulu dikenali sebagai PM 648 Daerah Kinta). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1153/2000 Jilid 94 Folio 27.

Bertarikh 16 Ogos 2011  
[PTKpr(D) 17/5-80]

MAIZATUL FADZLIN BINTI ZULKEPLI  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kampar*

#### **No. 1773.**

(Seksyen 261)

#### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Sabtiah binti Panjang Ahmad, yang beralamat di No. C - 206, Kampung Sri Aman, 31450 Menglembu, Perak Darul Ridzuan dan/atau PT 168399, Regat Menglembu Timur 7, R.P.T. Sri Aman, 31450 Menglembu, Perak Darul Ridzuan penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Adalah diberi notis bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tuan/puan di Pejabat Tanah Ipoh pada hari Khamis, 15 Disember 2011 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. P.T.—168399. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 14156. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 180/2007.

Bertarikh 18 Ogos 2011  
[PTK(I) 7/7/2011 SJ. 49]  
(Siasatan 1)

NORHASNISHA BINTI HASHIM  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kinta, Ipoh*

**No. 1774.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Ikram bin Zenudin beralamat di Lot 288, Kampung Seri Klebang Tambahan 2, 31200 Chemor, Perak Darul Ridzuan penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tuan/puan di Pejabat Tanah Ipoh pada hari Khamis, 15 November 2011 jam 9.45 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—318459. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 18163. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 19/2009.

Bertarikh 24 Ogos 2011  
[PTK(I) 7/7/2011 SJ. 50]  
(Siasatan Pertama)

NORHASNISHA BINTI HASHIM  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kinta, Ipoh*

**No. 1775.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Noor Azni binti Long beralamat di No. 45, Lengkok Perajurit, Ipoh Garden East, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan dan/atau No. 8, Jalan Chepor Indah, 31200 Chemor, Perak Darul Perak penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tuan/puan di Pejabat Tanah Ipoh pada hari Khamis, 15 November 2011 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—353999. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 22145. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1671/2009.

Bertarikh 24 Ogos 2011  
[PTK(I) 7/7/2011 SJ. 51]  
(Siasatan Pertama)

NORHASNISHA BINTI HASHIM  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kinta, Ipoh*

**No. 1776.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maharudin bin Dolah, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 4 Oktober 2011 pada 10.00 pagi di Pejabat Tanah Slim River; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM108,000.00. (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lapan Ribu sahaja)

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pada tarikh ini ialah RM226,423.63 Bank Agro Bank.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM10,800.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Lapan Ratus sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 Februari 2012 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Bernam Timur. No. P.T.—8117. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1868. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: GD 419/2006 Bertarikh 18.8.2006 Masa: 11.17 pagi.

Bertarikh 22 Jun 2011  
[PTSR(D) 9/2-109]

MAHARUDIN BIN DOLAH  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Batang Padang, Slim River*



**No. 1777.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Saidah binti Abu Sahit, Penolong Pentadbir Tanah Kinta, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257 dan 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 8 November 2011 di Aras Bawah Kaunter Pendaftaran Pejabat Tanah Kinta, Batu Gajah pada 10.00 pagi.
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM40,000.00.
2. Saya dapati amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM28,495.27.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM4,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ribu sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar berjaya kepada pemegang gadaian; dan
  - (c) di mana amaun penuh tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadai dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa tidak lebih satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 7 Mac 2012 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sg. Raia. No. Lot—300076. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 576. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1361/2005.

Bertarikh 9 Ogos 2011  
[KD. 17/5-480]

SAIDAH BINTI ABU SAHIT  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kinta*

**No. 1778.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maizatul Fadzlin binti Zulkepli, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 November 2011 (Rabu) pada jam 10.30 pagi di Hadapan Unit Pendaftaran, Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM125,000.00. (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM125,000.00 CIMB Bank (M) Berhad (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Lima Ribu sahaja).
  3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM12,500.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Ribu Lima Ratus sahaja).

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 Mac 2012 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teja. No. P.T.—1182. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 290 (Dulu HSM 747 Daerah Kinta). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 1264/2005.

Bertarikh 22 Ogos 2011  
[PTKpr(D) 17/5-74]

MAIZATUL FADZLIN BINTI ZULKEPLI  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kampar*

**No. 1779.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maizatul Fadzlin binti Zulkepli, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah

Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 November 2011 (Rabu) pada jam 10.30 pagi di Hadapan Unit Pendaftaran, Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM125,000.00. (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM125,000.00 CIMB Bank (M) Berhad (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Lima Ribu sahaja).
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM12,500.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Ribu Lima Ratus sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 Mac 2012 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teja. No. P.T.—1181. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 289 (Dulu HSM 746 Daerah Kinta). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 1257/2006.

Bertarikh 22 Ogos 2011  
[PTKpr(D) 17/5-74]

MAIZATUL FADZLIN BINTI ZULKEPLI  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kampar*

**No. 1780.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maizatul Fadzlin binti Zulkepli, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 November 2011 (Rabu) pada jam 10.30 pagi di Hadapan Unit Pendaftaran, Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM130,000.00. (Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM130,000.00 CIMB Bank (M) Berhad (Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM13,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Ribu sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 Mac 2012 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teja. No. P.T.—2900. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1015 (Dulu HSM 1172 Daerah Kinta). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 1281/2005.

Bertarikh 22 Ogos 2011  
[PTKpr(D) 17/5-74]

MAIZATUL FADZLIN BINTI ZULKEPLI  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kampar*

**No. 1781.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maizatul Fadzlina binti Zulkepli, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 November 2011 (Rabu) pada jam 10.30 pagi di Hadapan Unit Pendaftaran, Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM130,000.00. (Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM130,000.00 CIMB Bank (M) Berhad (Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM13,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Ribu sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 Mac 2012 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teja. No. P.T.—2901. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1018 (Dulu HSM 1175 Daerah Kinta). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 1261/2005.

Bertarikh 22 Ogos 2011  
[PTKpr(D) 17/5-74]

MAIZATUL FADZLIN BINTI ZULKEPLI  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kampar*

**No. 1782.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maizatul Fadzlin binti Zulkepli, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 November 2011 (Rabu) pada jam 10.30 pagi di Hadapan Unit Pendaftaran, Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM130,000.00. (Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM130,000.00 CIMB Bank (M) Berhad (Seratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM13,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Ribu sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 Mac 2012 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan



- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teja. No. P.T.—2902. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 392 (Dulu HSM 1496 Daerah Kinta). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 1281/2005.

Bertarikh 22 Ogos 2011  
[PTKpr(D) 17/5-74]

MAIZATUL FADZLIN BINTI ZULKEPLI  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kampar*

**No. 1783.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Norhasnisha binti Hashim, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 24 November 2011, pada 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Ipoh; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM190,000.00. (Ringgit Malaysia: Seratus Sembilan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ialah RM135,542.00 Public Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM19,000.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Belas Ribu sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 22 Mac 2012 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Ulu Kinta. No. Lot—313689 (Dahulu P.T. 131090). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 26031 (Dahulu H.S.(M) 11938). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1915/2006.

Bertarikh 24 Ogos 2011  
[PTK(I) 7/7/2010 SJ. 27]  
(Lelongan 1)

NORHASNISHA BINTI HASHIM  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kinta, Ipoh*

**No. 1784.**

(Seksyen 326)

## NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Shazli bin Mohamad Nor beralamat Parit Dayang Batu 19 1/2, 36200 Selekoh Perak Darul Ridzuan dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 336/2008 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut, dan bahawasanya Habsah binti Khalid telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hutan Melintang. No. Lot—3341. No. Hakmilik Geran Mukim—4262.

Bertarikh 22 Ogos 2011  
[PTHP. 7/114 sk. 26]

MOHD AMZARI BIN MOHD ARZAMI  
*Pentadbir Tanah*  
*Hilir Perak*

**No. 1785.**

## PEMBATALAN/REVOCATION

(Seksyen 8)

PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN STESYEN ALOR PONGSU  
(TAMBAHAN 3) DAERAH KERIAN

Menurut Pemberitahuan *Warta* No. 934 yang disiarkan melalui *Warta* Kerajaan Negeri Perak bertarikh 12 Mei 2011 adalah dengan ini dibatalkan. *Warta* No. 1 yang disiarkan melalui Sistem *e-Warta* yang bertarikh pada 12 Mei 2011 adalah digunakan.

According to the *Gazette* Notification No. 934 published in Perak Government *Gazette* dated 12 May 2011 is hereby revoked. *Gazette* No. 1 published by the *e-Gazette* dated 12 May 2011 are applicable.

Bertarikh 26 Ogos 2011  
Dated 26 August 2011  
[JKPTG(S). PRK/04/881/24/2011/24(18)]

NOR AZLINA BINTI YUSOF  
*b.p. Pengarah*  
*Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan*  
*Negeri Perak*

**No. 1786.**

PEMBATALAN/REVOCATION

(Seksyen 8)

PROJEK PENGAMBILAN BALIK TANAH DALAM KAWASAN PARIT 403-L2 DAN  
SAMBUNGAN KOMPATMEN H, SIMPANG 4 SEMANGGOL (TAMBAHAN 1)

Menurut Pemberitahuan *Warta* No. 935 yang disiarkan melalui *Warta* Kerajaan Negeri Perak bertarikh 12 Mei 2011 adalah dengan ini dibatalkan. *Warta* No. 2 yang disiarkan melalui Sistem e-*Warta* yang bertarikh pada 12 Mei 2011 adalah digunapakai.

According to the *Gazette* Notification No. 935 published in Perak Government *Gazette* dated 12 May 2011 is hereby revoked. *Gazette* No. 2 published by the e-*Gazette* dated 12 May 2011 are applicable.

Bertarikh 26 Ogos 2011

Dated 26 August 2011

[JKPTG(S). PRK/04/881/06/2011/26 Jld.2(15)]

NOR AZLINA BINTI YUSOF

*b.p. Pengarah*

*Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Negeri Perak*

**No. 1787.**

PEMBATALAN/REVOCATION

(Seksyen 8)

PROJEK TAPAK JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK,  
MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA

Menurut Pemberitahuan *Warta* No. 1622 yang disiarkan melalui *Warta* Kerajaan Negeri Perak bertarikh 18 Ogos 2011 adalah dengan ini dibatalkan. *Warta* No. 1 yang disiarkan melalui Sistem e-*Warta* yang bertarikh pada 18 Ogos 2011 adalah digunapakai.

According to the *Gazette* Notification No. 1622 published in Perak Government *Gazette* dated 18 August 2011 is hereby revoked. *Gazette* No. 1 published by the e-*Gazette* dated 18 August 2011 are applicable.

Bertarikh 26 Ogos 2011

Dated 26 August 2011

[JKPTG(S). PRK/03/881/01/2011/53(10)]

NOR AZLINA BINTI YUSOF

*b.p. Pengarah*

*Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Negeri Perak*

**No. 1788.**

## PEMBATALAN/REVOCATION

(Seksyen 8)

PROJEK TAPAK BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT AYER TAWAR, MANJUNG,  
PERAK

Menurut Pemberitahuan *Warta* No. 1623 yang disiarkan melalui *Warta* Kerajaan Negeri Perak bertarikh 18 Ogos 2011 adalah dengan ini dibatalkan. *Warta* No. 2 yang disiarkan melalui Sistem e-*Warta* yang bertarikh pada 18 Ogos 2011 adalah digunakan.

According to the *Gazette* Notification No. 1623 published in Perak Government *Gazette* dated 18 August 2011 is hereby revoked. *Gazette* No. 2 published by the e-*Gazette* dated 18 August 2011 are applicable.

Bertarikh 26 Ogos 2011

Dated 26 August 2011

[JKPTG(S). PRK/02/881/20/2011/27(18)]

NOR AZLINA BINTI YUSOF

*b.p. Pengarah**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Negeri Perak***No. 1789.**

## WANG PERTARUHAN YANG BELUM DITUNTUT

PEJABAT DAERAH DAN TANAH, HILIR PERAK

Adalah dengan ini diberitahu bahawa wang pertaruhan yang tersebut di bawah ini telah tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan di Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak dan akan disiarkan dalam *Warta* Kerajaan. Jika tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan wang pertaruhan ini akan dikreditkan kepada hasil kerajaan mengikut Arahan Perbendaharaan 162.

## JADUAL

No. Baucar	Nama	Tarikh	Amaun RM
700334	Pengarah Mara Negeri Perak	31/12/2003	3,250.00
700343	Pengarah Mara Negeri Perak	31/12/2003	4,657.75

Bertarikh 18 Ogos 2011

[PDHP/P (484)]

ROBATUL ADAYIAH BT. MOHD. ISA

*b.p. Pegawai Daerah  
Hilir Perak*

No. 1790.

**PEMBERITAHUAN LEWAT**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK  
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN  
YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan suratan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang.

JADUAL

Mukim/ Tarikh Permohonan	Nama Pemohon	No. Hakmilik.	No. Lot/P.T.	Luas  HEKTAR	Nama Tuan Tanah Bahagian dan No. Fail
C.Galah 11.7.2011	Sariah binti Abdullah	G.M. 2600	3407	1.1255	Sariah binti Abdullah 2/3 bhg. dan Dah binti Dollah 1/3 bhg. PTKK (P/H) 88/2011
Senggang 4.7.2011	Zolkifly bin Yahaya	H.S.(M) 91/82	P.T. 969	1.2141	Zolkifly bin Yahya 1/1 bhg. PTKK (P/H) 89/2011
K.L. Kiri 4.7.2011	Hasmah Zulaihan binti Mohamed Noor	G.M. 3696	404	0.3389	Hasmah Zulaihan binti Mohamed Noor 1/16 bhg., Mohamad Yusof Mokhetaridi bin Mohamad Nor @ Mohd. Noor 1/8 bhg., Mohamed Sha'ari bin Mohamed Akil 1/2 bhg., Mohd. Shariff bin Itom 1/64 bhg., Norzima binti Mohamad Noor 1/16 bhg., Nurhasima binti Mohd Shariff 1/64 bhg., Shahril Ameer bin Mohd. Shariff 1/32 bhg., Siti Nabilah binti Tun Jalaluddin 1/48 bhg., Tun Latifah binti Mohd. Noor 1/16 bhg., Siti Nabilah binti Tun Jalaluddin sebagai Pemegang Amanah 1 1/24 bhg., Siti Nabilah binti Tun Jalaluddin sebagai Pemegang Amanah 2 1/48 bhg. dan Siti Nabilah binti Tun Jalaluddin sebagai Pemegang Amanah 3 1/24 bhg. PTKK (P/H) 90/2011

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

15hb Sept. 2011]

2017

Mukim/ Tarikh Permohonan	Nama Pemohon	No. Hakmilik.	No. Lot/P.T.	Luas	Nama Tuan Tanah Bahagian dan No. Fail
C. Galah 21.7.2011	Abdul Ghani bin Abd. Wahab	G.M. 1933	900	1.0927	Abdul Ghani bin Abd. Wahab 1/8 bhg., Abdul Rani bin Abdullah 1/8 bhg., Habsah binti Md. Saleh 1/8 bhg., Jamaliah binti Jaafar 1/8 bhg. dan Zulkafli bin Abdul Wahab 1/8 bhg.
		3863	2603	0.7917	Abdul Ghani bin Abd. Wahab 1/1 bhg.
		2483	3283	1.6289	Abdul Ghani bin Abd. Wahab 1/8 bhg., Jamaliah binti Jaafar 1/8 bhg., Maimunah binti Itam Isa as Trustee 1/2 bhg., Mohd. Isa bin Jaafar 1/8 bhg. dan Zulkafli bin Abdul Wahab 1/8 bhg. PTKK (P/H) 91/2011
Kg. Buaia 26.7.2011	Suhaizi bin Zabidi	E.M.R. 3257	1483	1.6187	Suhaizi bin Zabidi 1/4 bhg., Mustafa bin Darus 1/4 bhg. dan Daud b. Alang Jusop 1/2 bhg. PTKK (P/H) 92/2011
		G.M. 4261	8304	0.4123	Bandariah bt. Abdullah 1/1 bhg. PTKK (P/H) 93/2011
K.L Kiri 27.7.2011	Nor Siah binti Aznam	471	4571	2.0032	Nor Siah bt. Aznam 1/1 bhg. PTKK (P/H) 94/2011
L. Merbau 27.7.2011	Norhaziah binti Mat Diah	477	548	0.3288	Norhaziah binti Mat Diah 1/7 bhg., Ainun Mardziah bt. Paseh 1/7 bhg., Rabe'ah binti Pandak Ibrahim 1/7 bhg., Rakiah binti Ngah Wahab 1/14 bhg., Salmah bt. Jalaludin 1/7 bhg., Syed Mohd. Azman bin Syed Osman 1/7 bhg., Zalehah binti Hassan 1/14 bhg. dan Alang Pah binti Osman sebagai Pemegang Amanah PTKK (P/H) 95/2011

Mukim/ Tarikh Permohonan	Nama Pemohon	No. Hakmilik.	No. Lot/P.T.	Luas	Nama Tuan Tanah Bahagian dan No. Fail
		G.M.		HEKTAR	
Sayung 25.4.2011	Amran bin Yeop Zahari	4643	910	0.2681	Alang Saniah binti Hatib Kassim 1/2 bhg., Kulop Ismail c/o Haji Rashid 1/4 bhg. dan Ngah Radipah c/o Haji Rashid 1/4 bhg. PTKK (P/H) 53/2011

Bertarikh 5 Ogos 2011  
[PTKK(D)13/81 JLD. 5]

ROSIAH BINTI DARUS  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kuala Kangsar*

**No. 1791.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK  
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN  
YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

JADUAL

Bandar—Ipoh (U). No. Lot—37087. Jenis dan No. Hakmilik—G.R.N. 59599.  
Luas—952.2744 meter persegi.

Bertarikh 13 September 2011  
[PTG.Pk. 3/6-2050(A)]

HASLAN BIN MAT YAKIN  
*b.p. Pendaftar Hakmilik  
Perak*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA